

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 OCTOBER 2016

# Mahathir didakwa punca DEB gagal

um - 31/10/2016

**KUALA LUMPUR 30 Okt.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa menjadi punca kegagalan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) mencapai matlamat mempertingkatkan penguasaan bumiputera dalam ekonomi negara.

Penganalisis politik, Raja Petra Raja Kamarudin berkata, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) gagal melonjakkan nilai kekayaan bumiputera kepada 30 peratus sepanjang 22 tahun pentadbirannya.

Menurut beliau, dua Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn berjaya menaikkan penguasaan bumiputera kepada tiga peratus.

"Sepanjang 22 tahun era pentadbiran Dr. Mahathir, penguasaan ekonomi bumiputera tidak

meningkat daripada tiga peratus kepada 30 peratus seperti yang dirancang malah sebaliknya, ia berkurangan kepada dua peratus.

"Namun, Dr. Mahathir mendakwa meningkat kepada 20 peratus, sekiranya anda mengambil kira 100 individu yang menjadi jutawan hasil bantuannya," katanya melalui portal *Malaysia Today*, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Raja Petra memberitahu, Dr. Mahathir telah memusnahkan legasi Abdul Razak apabila beliau memilih hanya 100 individu untuk bertindak sebagai 'payung' kepada 10 juta orang Melayu ketika itu.

Beliau menambah, selepas menghancurkan DEB, Dr. Ma-



**RAJA PETRA  
RAJA KAMARUDIN**

hathir cuba melakukan perkara serupa terhadap UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Dr. Mahathir bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan UMNO dan BN, kononnya untuk menyelamatkan Malaysia," jelasnya.

Walau bagaimanapun, Raja Petra berkata, orang Melayu tidak mudah ditipu dan akan menentang gerakan Dr. Mahathir serta DAP.

"Apa yang Dr. Mahathir cuba lakukan, sekiranya beliau berjaya, akan menamatkan ketuanan Melayu," katanya.

Menurut beliau, orang Melayu tidak akan membenarkan Dr. Mahathir memberi ruang kepada pakatan pembangkang yang dikuasai DAP untuk mengambil alih kuasa politik di negara ini.